

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
19 FEBRUARI 2021
JUMAAT



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

HARIAN METRO

DUA PKRC SWASTA DI JOHOR BAKAL DIBUKA

2



HARIAN METRO

Harian Metro | Jumaat 19.02.2021

Dua PKRC swasta di Johor bakal dibuka

Pasir Gudang: Sebanyak dua Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) swasta di Johor dijangka beroperasi awal Mac ini bagi menempatkan pesakit Covid-19 bukan warganegara.

Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad berkata, sehingga kini ia masih di peringkat awal bagi mendapatkan kelulusan proses permohonan membabitkan dua lokasi iaitu di Iskandar Puteri dan Kota Tinggi.

"Ini PKRC swasta yang pertama seumpamanya di Johor. Hotel di Iskandar Puteri boleh menempatkan 250

pesakit Covid-19 manakala sebuah lagi iaitu asrama pekerja di Kota Tinggi, boleh menempatkan lebih ramai.

"Ada peraturan yang perlu dipatuhi untuk penempatan pekerja asing selain pendatang asing tanpa izin (Pati) mungkin boleh letak di PKRC jika bersesuaian dan kos akan ditanggung majikan atau pesakit sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di PKRC Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) di sini, semalam.

